


Pasukan khas pantau peniaga



ROSOL Wahid. FOTO arkib NSTP

Baharom Bakar
am@hmetro.com.my

KERAJAAN akan menubuhkan pasukan khas bagi memantau pelbagai kesalahan dilakukan peniaga, terutamanya kes keracunan makanan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid menjelaskan, pasukan khas itu terdiri daripada pelbagai agensi penguatkuasa dan akan melakukan rondaan bersama.

Jelasnya, cadangan penubuhan pasukan khas itu sedang diperhalusi dan akan dimuktamadkan dalam tempoh terdekat.

"Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan memberi kerjasama untuk merealisasikan penubuhan pasukan khas itu.

"Menerusi gabungan dan kerjasama itu, tindakan menyeluruh dapat dilakukan dalam menangani pelbagai kes," katanya ketika ditemui selepas menziarahi bekas jurufoto Utusan Malaysia, Azlan Baharum, 36, yang menghidap penyakit gout sejak 19 tahun lalu di rumah pangsa Ladang Gemilang, Kuala Terengganu, hari ini.

Terbaharu, Azlan disahkan menghidap penyakit buah pinggang tahap empat selepas dimasukkan ke Hospital Sultan Nur Zahirah (HSNZ) berikutan keracunan makanan.

Turut hadir, Timbalan Pengarah Penguatkuasaan (Pengurusan) KPDNHEP, Azman Adam dan Timbalan Presiden Kelab Wartawan Terengganu (KAWAT), Suhaimi Ahmad.

Rosol yang juga Ahli Parlimen Hulu Terengganu menjelaskan, inisiatif penubuhan pasukan khas itu lebih memudahkan penguatkuasaan dilakukan sekaligus.

Memberi contoh, Rosol menjelaskan, KPDNHEP tidak boleh mengambil tindakan jika ada kes keracunan makanan kerana kesalahan itu hanya boleh dilakukan Kementerian Kesihatan (KKM).

"Kerja pemantauan lebih mudah dan menjimatkan kos jika pasukan khas itu ditubuhkan serta bergerak secara bersama ketika mengadakan operasi," katanya.

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/05/577045/pasukan-khas-pantau-peniaga>

Artikel ini disiarkan pada : Isnin, 11 Mei 2020 @ 10:51 AM

